



## **NEGERI SABAH**

(JPAN: 700-3/501/24 Kit.3 (64))

### **PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1 /2013**

#### **GARIS PANDUAN PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

##### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk mengubah bilangan penerima APC dari dua (2) peratus kepada empat (4) peratus. Pekeliling yang dirujuk pada ketika ini ialah Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.7/2003 – Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam.

##### **2. LATAR BELAKANG**

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah penghargaan kerajaan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang. Perkhidmatan yang cemerlang adalah perkhidmatan yang mutu dan penghasilan kerja melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa jawatan yang disandang. Perkhidmatan yang diberikan, boleh dijadikan contoh dan ikutan, serta memberi pengaruh yang mampu menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha pegawai Perkhidmatan Awam yang lain.

### **3. DASAR DAN KAEDAH PEMBERIAN APC**

#### **3.1 Kelayakan**

3.1.1. Pegawai yang layak dipertimbangkan untuk diberi APC adalah seperti berikut:

- (a) Pegawai Perkhidmatan Awam dalam semua kategori dan gred yang dilantik oleh mana-mana pihak berkuasa melantik untuk berkhidmat dengan agensi awam sama ada secara tetap, sementara atau kontrak. Ini termasuk pegawai yang berada di atas tangga gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) dan Sistem Saraan Malaysia.
- (b) Telah berkhidmat bagi tempoh genap setahun pada hari terakhir tahun penilaian.

#### **3.2 Asas penilaian**

Pemilihan pegawai yang layak adalah berpandukan kepada markah yang diperolehi dalam penilaian prestasi tahunan. Pegawai yang mendapat markah 85 peratus dan lebih adalah layak dipertimbangkan untuk menerima APC oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia. (PPSM), sumbangan pegawai kepada organisasi, Perkhidmatan Awam, Komuniti, Daerah, Negeri, Negara dan Peringkat Antarabangsa juga akan diambilkira.

#### **4. BILANGAN PENERIMA**

Bilangan penerima APC di setiap agensi tidak boleh melebihi empat (4) peratus daripada jumlah anggota yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian. Had maksimum ini tidak semestinya dipenuhi jika pegawai yang layak tidak mencukupi. Sekiranya pada tahun berkenaan tidak ada pegawai yang layak menerima APC, maka agensi tidak perlu melaksanakan APC bagi tahun tersebut.

#### **5. INSENTIF DAN HADIAH**

Insentif dan Hadiah APC adalah seperti berikut:

- (a) Sijil Perkhidmatan Cemerlang;
- (b) Hadiah prestasi sebanyak RM1,000.00;
- (c) Peluang dan keutamaan untuk pembangunan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;
- (d) Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran negeri dan persekutuan dan
- (e) Nama dan gambar penerima akan dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik.

#### **6. PEMAKAIAN**

Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

#### **7. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013.

## 8. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.7/2003 adalah dibatalkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(SUKARTI BIN WAKIMAN)**  
Setiausaha Kerajaan Negeri  
Jabatan Ketua Menteri  
**KOTA KINABALU**

Tarikh: **31 JAN 2013**

s.k     Setiausaha Tetap  
         Kementerian Kewangan  
         Wisma Kewangan  
         **88593 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
**88595 KOTA KINABALU**

Pengarah Audit  
Jabatan Audit  
**88990 KOTA KINABALU**

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

                 Semua Ketua Jabatan Negeri

                 Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

                 Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

                 Semua Pegawai Daerah

                 Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil